

## KATA “KESANGATAN” DALAM FRASA ADJEKTIF DIALEK TERENGGANU

*NUR SUFIAH AZMI*

*Universiti Kebangsaan Malaysia  
[nursufiahazmi1995@gmail.com](mailto:nursufiahazmi1995@gmail.com)*

*MASLIDA YUSOF*

*Universiti Kebangsaan Malaysia  
[maslida@ukm.edu.my](mailto:maslida@ukm.edu.my)  
(Corresponding Author)*

### ABSTRAK

Dialek Terengganu (DT) ialah salah satu dialek yang terdapat di Semenanjung. Dialek ini dituturkan oleh masyarakat yang tinggal di Terengganu dan juga masyarakat Terengganu yang telah berhijrah ke tempat lain apabila berkomunikasi sesama mereka. Frasa adjektif pula ialah salah satu frasa daripada empat golongan frasa yang terdapat dalam bahasa Melayu. Dalam frasa adjektif itulah terdapat frasa adjektif “kesangatan” seperti sangat baik, amat jahat dan bagus sekali. Golongan frasa itu juga terdapat dalam dialek Terengganu. Walau bagaimanapun, dalam dialek Terengganu, pasangan kata yang membentuk frasa adjektif tingkat “kesangatan” agak unik dan berlainan dengan bahasa Melayu standard (BMS) seperti [busu? kōhōŋ], [mɛyɔh pālɛr] dan [udoh sɔpəŋ]. Pasangan seperti itu tiada dalam bahasa Melayu standard. Namun begitu, dari segi makna pasangan kata tersebut juga mendukung makna kesangatan seperti kata penguat dalam bahasa Melayu standard. Oleh itu, dalam kajian ini akan mengupas tentang frasa adjektif “kesangatan” dalam DT. Kajian dibataskan kepada dialek Kuala Terengganu di Kampung Bharu Serada. Kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah pengumpulan data melalui temu bual dan kaedah ke perpustakaan. Hasil kajian mendapati kata kesangatan yang hadir dalam DT hanya muncul di belakang kata adjektif. Selain itu, kata kesangatan dalam DT juga bersifat tidak produktif kerana hanya hadir pada satu kata adjektif sahaja atau kata adjektif tertentu sahaja. Secara keseluruhan, kajian ini mendapati kata kesangatan yang membentuk frasa adjektif “kesangatan” DT sangat unik dan berbeza dengan bahasa Melayu standard.

**Kata Kunci:** Dialek; Dialek Melayu Terengganu; frasa adjektif kesangatan; kata adjektif; kata penguat

## THE "EXTREME" WORDS IN THE ADJECTIVE PHRASE TERENGGANU DIALECT

### ABSTRACT

The Terengganu Dialect (DT) is one of the dialects found in the Peninsula. This dialect is spoken by the people living in Terengganu as well as the people of Terengganu who have migrated to other places when communicating with each other. Adjective phrase is a phrase from one of four classes of phrases found in the standard Malay language. In this adjective phrase there are extremely kind, extremely bad and extremely good. The phrase is also found in the Terengganu dialect. However, in the Terengganu dialect, a pair of words that form phrases adjectives level of "extreme" is quite unique and different from standard Malay language (BMS) like [busu? kəhoŋ], [mɛyoh paler] and [udoh səpaŋ]. Phrases like that are not in standard Malay language. However, in terms of the meaning of the word partner also supports "extreme" significance as the amplifier in standard Malay language. Therefore, this study will explore the adjective phrase "extreme" in DT. The study was limited to the Kuala Terengganu dialect in Kampung Bharu Serada. The study was conducted using data collection methods through interviews and methods to the library. The results showed that the word "extreme" present in DT only appeared behind the adjective. In addition, the word "extreme" in DT is also unproductive as it is present in only one adjective or certain adjectives. Overall, the study found that the word "extreme" form phrases adjective "extreme" DT is very unique and different from standard Malay language.

**Keywords:** Dialects; Terengganu Malay Dialects; adjective phrases "extreme"; adjectives; amplifier

## **PENGENALAN**

Menurut Abdul Hamid Mahmood (1994), dialek merupakan variasi atau kelainan bahasa daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa. Elemen-elemen yang terkandung dalam ilmu dialek dapat diperhatikan melalui sebutan, kosa kata dan tatabahasa yang berbeza antara satu sama lain tetapi perbezaannya tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain. Kepelbagaian dialek Melayu yang terdapat di Malaysia sememangnya tidak asing lagi kewujudannya dalam kalangan masyarakat terutamanya oleh orang Melayu sendiri. Menurut Collins (1989), dalam usaha membina keperibadian bangsa Malaysia, penyelidikan dialek cukup penting. Maklumat yang dihasilkan dalam kajian dialek misalnya tentang kosa kata sesuatu dialek daerah dapat menerangkan bahasa Melayu (BM). Maka hasil dapatan kajian dialek ini sangat berfaedah untuk menjadi rujukan kepada para pengkaji bahasa.

Pelbagai kajian dialek Melayu telah dilakukan oleh ahli-ahli linguistik di seluruh pelosok negeri terutama kajian dialektologi. Usaha mendeskripsi dan mengelompokkan dialek Melayu yang terdapat di Semenanjung Malaysia dan juga di Kepulauan Borneo telah dilakukan oleh beberapa orang peneliti bahasa (Ajid Che Kob, 2008). Penumpuan kajian perbezaan variasi bahasa dari segi dialek geografi BM sering dilakukan berikutan keistimewaan dan keunikan tertentu berdasarkan kawasan di Malaysia (Nur Adibah Hasan & Sharifah Raihan Syed Jaafar 2017). Tidak ketinggalan juga kajian di negeri Terengganu juga sering menjadi perhatian oleh pengkaji-pengkaji bahasa. Hal disokong oleh Noor Rohana Mansor et.al (2013) yang menyatakan kajian dialektologi berhubung dialek Melayu Terengganu telah mendapat perhatian ramai daripada kalangan pengkaji serta penyelidik tempatan dan luar negara.

Hal ini sedemikian kerana, keunikan DT yang berbeza dari pelbagai aspek dalam bidang fonologi, morfologi, semantik dan sintaksis. Walaupun kajian tentang DT sering mendapat perhatian namun pengkaji bahasa banyak memfokuskan kajian mereka dalam aspek fonologi iaitu melihat aspek perbezaan dari segi sebutan, ejaan, proses pembentukan dan sebagainya. Antaranya adalah kajian yang dilakukan oleh Naseh Hassan (1980), Abdul Hamid Mahmood (1990) dan Raja Hazimah Raja Mamat (2006). Oleh sebab itu, kajian ini dilakukan untuk melihat keunikan frasa adjektif “kesangatan” yang terdapat dalam DT berdasarkan kehadiran kata kesangatan atau kata penguat.

Mengikut Kamus Dewan Edisi ke-4, kesangatan merujuk kepada perihal sangat, keterlaluan atau teramat sangat. Frasa adjektif “kesangatan” ialah salah satu frasa yang terletak di bawah frasa perbandingan. Menurut Asmah (2009), frasa perbandingan ialah frasa sifat (frasa adjektif) yang menyatakan perbandingan antara dua atau tiga proposisi. Dalam hal ini, sesuatu ciri atau sifat tertentu diletakkan dalam satu skala atau tatatingkat yang menunjukkan ciri lebih, ciri kurang, atau sebagainya. Dalam perinciannya, skala perbandingan dalam BM menunjukkan tujuh tingkat dari tingkat “ketiadaan” hingga tingkat “kepalingan” atau “kesangatan” dan seterusnya tingkat “maha”. Tingkat “ketiadaan” merupakan tingkat terendah manakala tingkat “maha” merupakan tingkat tertinggi. Kedudukan tingkat tersebut adalah seperti yang berikut:

JADUAL 1: Skala Perbandingan Tatatingkat dalam Bahasa Melayu (Asmah, 2009)

maha	
kepalingan	kesangatan
kelebihan	
neutral	
keagakan	
kekurangan	
ketiadaan	

Kajian tentang kata penguat dalam BM juga telah banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji bahasa. Namun begitu, dalam kajian kata penguat yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu lebih memfokuskan kepada kata penguat dalam BMS. Penggunaan kata penguat bagi kata adjektif dalam dialek terutama dalam DT kurang diberi perhatian. Sebagai contoh, Abdul Hamid Mahmood (1990) dalam artikelnya yang bertajuk Dialek Terengganu: Satu Tinjauan Ringkas hanya menyentuh sedikit tentang kata penguat dalam DT tanpa menjelaskan dengan terperinci kata penguat dalam DT iaitu beliau hanya melihat kata penguat yang terdapat dalam BMS dan juga terdapat dalam DT. Dalam artikel ini, beliau hanya memberikan dua contoh kata penguat yang wujud dalam DT iaitu kata penguat [sɔŋɑ?] dan [sɔŋoh].

Wan Nur Shahiza Wan Ghazali (2004) juga ada melakukan kajian yang berkaitan dengan frasa adjektif “kesangatan” dalam DT. Kajian beliau yang bertajuk Kata Penguat dalam Dialek Terengganu: Kajian di Kampung Gong Pauh, Cukai, Kemaman. Namun kajian beliau lebih memfokuskan kepada aspek sintaksis iaitu memperincikan serba sedikit tentang peranan-peranan penting yang dimainkan oleh struktur kata penguat dalam DT.

Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan untuk memperlihatkan dengan lebih terperinci dengan menjelaskan makna kata penguat atau kata kesangatan yang wujud dalam frasa adjektif DT.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Dalam menjalankan sesuatu penyelidikan, objektif merupakan perkara yang paling utama. Hal ini kerana objektif kajian merupakan sasaran sebenar pengkaji untuk menyampaikan ideanya mengenai perkara penting dalam kajian yang akan dikaji dalam penyelidikannya. Oleh hal yang demikian, untuk menjayakan kajian yang dilakukan pengkaji telah menggariskan beberapa objektif yang harus dipenuhi. Objektif kajian ini adalah seperti di bawah:

- 1) Mengetahui pasti kata kesangatan mengikut kategori kata adjektif yang terdapat dalam dialek Terengganu.
- 2) Mengetahui pasti jenis kata yang membentuk frasa adjektif “kesangatan” dalam dialek Terengganu.
- 3) Membincangkan fungsi dan makna ungkapan kata kesangatan untuk kata adjektif dalam pertuturan masyarakat di Kampung Bharu Serada, Kuala Terengganu.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Menurut Siti Noraishah Ismail (2008: 37), metodologi kajian merupakan salah satu kaedah yang memerlukan suatu analisis yang baik dan kritis bagi menghasilkan sebuah kajian yang baik dan memberi faedah kepada pengkaji dan juga masyarakat. Kajian ini yang memfokuskan frasa adjektif “kesangatan” akan menggunakan kaedah kualitatif kerana proses pengumpulan data dalam kajian ini adalah melalui kaedah lapangan iaitu temubual dan kaedah pemerhatian. Dalam kaedah lapangan, pengkaji perlu berada di lokasi kajian bagi membolehkan pengkaji terlibat secara bersemuka dengan informan yang akan ditemubual. Di samping itu, dalam kajian lapangan juga membolehkan pengkaji mengumpul data dalam bentuk catatan, rakaman, temubual dan pemerhatian. Samarina (1967:1) ada menjelaskan bahawa kajian lapangan adalah salah satu cara untuk mendapatkan data linguistik dan mempelajari fenomenanya.

Lokasi kajian ini adalah di Kampung Bharu Serada, Kuala Terengganu. Pada umumnya, bahasa di Terengganu boleh dibahagi kepada tiga kelompok, iaitu Terengganu Pantai, Kelantan dan Ulu Terengganu. Bahasa Terengganu Pantai digunakan sebagai alat komunikasi di semua daerah pesisir pantai, iaitu dari Kemaman sehinggalah sebahagian daerah Setiu (Nasrun Alias, 2017). Dalam kajian ini pengkaji ingin melihat dengan lebih teliti kelompok Terengganu Pantai atau dikenali sebagai dialek Kuala Terengganu. Data dikutip di Kampung Bharu Serada iaitu sebuah kampung yang terletak di daerah Kuala Terengganu dan berada kira-kira 14km dari pusat bandar Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia. Kawasan ini merupakan kawasan yang berpenduduk majoriti semua kaum Melayu. Oleh itu, majoriti penduduk Terengganu akan menggunakan DT semasa berkomunikasi sesama mereka. Semasa menggunakan DT itulah frasa adjektif turut digunakan. Kata “kesangatan” lazimnya muncul bersama kata adjektif. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian bagi mengutip data yang

dilakukan di sekitar lokasi kajian. Melalui kajian ini, pengkaji telah menemu bual beberapa informan di sekitar Kampung Bharu Serada. Kaedah temu bual ini digunakan oleh pengkaji supaya bahan dan data yang dikutip adalah sahih dan sah. Oleh hal yang sedemikian, kajian lapangan ini penting kepada pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang tepat seterusnya mencapai objektif kajian.

Data yang dimiliki akan dianalisis dengan segala maklumat yang diperolehi itu akan dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Pertama, semua kata kesangatan yang terdapat dalam DT akan disenaraikan terlebih dahulu mengikut kategori kata adjektif (KA) yang akan berpandukan penyenaian kata adjektif mengikut Asmah Hj Omar dalam buku *Nahu Melayu Mutahir* (2009). Seterusnya, kata-kata kesangatan yang telah diperolehi itu akan diklasifikasi jenis kata yang membentuk frasa adjektif “kesangatan” dalam DT. Kemudiannya, pengkaji akan melihat aspek makna dan fungsi kata kesangatan dalam dialek tersebut berdasarkan komponen kata adjektif yang sudah dibahagi-bahagikan. Untuk memudahkan penganalisisan data, maka kaedah mentranskripsi data juga dilakukan. Hal ini demikian kerana hanya dengan transkripsi data sahaja sesuatu bunyi dalam dialek itu dapat ditulis dengan tepat. Oleh sebab adanya kata kesangatan dalam DT yang berbeza dengan BMS iaitu mempunyai sebutan yang amat berbeza, maka transkripsi data dilakukan agar kata-kata yang mempunyai bentuk yang berlainan tersebut dapat ditulis mengikut tatabunyi yang sebenar.

### **SOROTAN KAJIAN**

Dalam kajian yang dilakukan oleh Abdul Hamid Mahmood (1990) mengenai DT, beliau menjelaskan berdasarkan aspek fonologi iaitu melihat inventori segmental yang wujud dan proses fonologi yang berlaku dalam DT. Dalam kajian beliau ini, beliau telah membandingkan DT dengan BMS. Antaranya ialah kelainan yang diperolehi daripada perbandingan dapat dilihat dalam bidang fonologi, bidang pengucapan, fonem, morfologi, ayat dan leksikal. Oleh itu dapat dilihat daripada kajian ini lebih menumpukan kepada kajian dalam aspek fonologi DT. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Raja Hazimah (2006) juga melihat ciri perbezaan dan keunikan dalam DT melalui analisis data bahasa dalam aspek fonologi. Perbezaan kajian yang dilakukan oleh Raja Hazimah (2006) dengan kajian fonologi DT yang lain adalah kawasan kajian iaitu lokasi kajian Raja Hazimah adalah di Kuala Besut.

Manakala, kajian yang dilakukan oleh Wan Yusmawatie (2001) iaitu kajian mengenai laras bahasa nelayan di Kampung Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu. Beliau mengkaji DT daripada aspek yang berbeza iaitu melihat laras bahasa yang digunakan oleh golongan nelayan berbanding dengan penutur DT yang lain. Di samping itu, berdasarkan kajian lepas mengenai kata penguat dalam dialek, kosa ilmu yang dinyatakan ini banyak membantu pengkaji dalam memperincikan mengenai kata penguat dalam frasa adjektif DT. Kajian yang dilakukan oleh Wan Nur Shahiza (2004) yang menganalisis kata penguat dalam DT boleh dijadikan sumber rujukan bagi pengkaji dalam menganalisis dapatan serta pemaparan data. Namun begitu, kajian ini lebih tertumpu di kawasan kampung Gong Pauh Cukai Kemaman berbeza dengan kajian pengkaji yang melihat kata penguat yang wujud di kampung Bharu Serada, Kuala Terengganu. Tambahan pula, menurut Wan Nur Shahiza, terdapat enam kata penguat yang terdapat dalam DT. Kata penguat yang dimaksudkan adalah [paling], [sungguh], [do'oh], [lajo'] dan [sekali]. Selain itu, kajian yang dilakukan

oleh Mohd Fazri Alias (2008) tentang kewujudan dan kehadiran kata penguat atau kata kesangatan dalam dialek Kedah. Pengkaji merujuk bentuk, jenis dan kedudukan kata penguat yang hadir dalam dialek Kedah.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Zaidi Ismai (2017) telah memberikan gambaran berkenaan tentang kata penguat yang terdapat dalam dialek. Namun lebih memfokuskan kepada kata penguat yang wujud dalam dialek Kelantan. Objektif kajian beliau sangat mudah iaitu untuk menjelaskan frasa adjektif “kesangatan” dalam dialek Kelantan berbanding dengan BMS. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Zaidi Ismail, dalam frasa adjektif terdapat tingkat “kesangatan” seperti sangat baik, amat jahat dan bagus sekali. Golongan frasa adjektif kesangatan juga terdapat dalam dialek Kelantan. Namun begitu, pasangan kata yang membentuk frasa adjektif tingkat “kesangatan” dilihat agak berlainan dan berbeza dengan BMS seperti [blawok kohong], [basah jeruk], [itè legè], [luas litar] dan [bulat gètè]. Pasangan seperti itu tiada dalam BMS tetapi jika merujuk kepada contoh yang diberikan ianya memberikan maksud yang sama kepada tingkat “kesangatan”.

### **ANALISIS KAJIAN**

Frasa adjektif adalah salah satu daripada empat golongan frasa yang terdapat dalam bahasa Melayu. Menurut Asmah Haji Omar (2009), frasa dapat dibahagikan kepada empat golongan, iaitu frasa nama, frasa kerja, frasa sifat (frasa adjektif), frasa adverba. Penggolongan bagi frasa adalah sejajar dengan penggolongan bagi kata. Yang dimaksudkan dengan frasa sifat (frasa adjektif) ialah frasa yang intinya merupakan kata sifat. Dalam frasa adjektif terdapat unsur yang memberi penegasan atau penguat bagi sesuatu kata adjektif. Oleh itu, kajian ini mengkaji dialek Kuala Terengganu yang memfokuskan kepada subdialek di Kampung Bharu Serada (DTKBS) iaitu melihat keistimewaan DT dari aspek kata “kesangatan” yang hadir bersama frasa adjektif yang dilihat berbeza dan agak unik daripada yang terdapat dalam BMS.

Tambahan pula, menurut Nik Safiah Karim dalam Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2011), kata adjektif dapat digunakan untuk menyatakan tiga darjah perbandingan iaitu darjah biasa, darjah bandingan dan darjah penghabisan. Namun begitu, dalam kajian ini lebih menumpukan tentang frasa adjektif darjah penghabisan kerana mempunyai perkaitan dengan frasa adjektif “kesangatan”. Penggunaan kata adjektif dalam ungkapan pnhabisan dapat dilihat melalui penggunaan kata penguat seperti ‘paling’, ‘sungguh’, ‘amat’ dan sebagainya.

Pengkaji telah mengkategorikan KA dengan pasangan kata kesangatannya dalam membentuk frasa adjektif “kesangatan” DT. Frasa ini terdiri kata adjektif yang menjadi unsur inti dan berpasangan dengan kata yang menjadi keterangan inti tersebut. Kata yang membentuk keterangan inti seterusnya dinilai dan dibahagikan kepada morfem bebas dan morfem terikat. Seterusnya, daripada morfem bebas, kata kesangatan yang wujud dalam DT digolongkan mengikut golongan kata yang membentuknya. Penggolongan kelas kata bagi kata kesangatan DT ini dibuat berdasarkan makna yang diberikan oleh Kamus Dewan Edisi ke-4. Menurut Asmah (2009), morfem bebas adalah morfem yang boleh berdiri sendiri sebagai satu kata atau sebagai ayat minimal. Manakala, morfem terikat pula adalah morfem yang memerlukan bantuan morfem lain, baik morfem bebas mahu pun morfem terikat untuk membentuk kata.

Seterusnya, data yang terkumpul dalam kajian ini, akan diklasifikasikan berdasarkan 14 jenis KA seperti yang diperincikan dalam Buku Nahu Melayu Mutakhir oleh Asmah Haji Omar (2009) dan dianalisis dari segi kelas kata dan makna kata yang membentuk frasa adjektif “kesangatan” dalam dialek Melayu Terengganu (DMT) khususnya DTKBS. Contoh ayat juga turut diberikan untuk menunjukkan penggunaan kata kesangatan yang wujud dalam frasa adjektif dalam pertuturan seharian masyarakat DTKBS.

**Kata “Kesangatan” Untuk Frasa Adjektif Tabii**

Menurut Asmah Haji Omar (2009), KA tabii adalah kata adjektif yang memberikan perincian kepada kualiti tertentu yang ada pada tabiat atau perangai manusia. Di antara contoh KA tabii ini, boleh dibahagikan kepada subgolongan positif (baik, tertib) dan subgolongan negatif (jahat, nakal). Jadual 2 menunjukkan jenis-jenis kata kesangatan yang hadir bersama dengan frasa adjektif tabii seperti berikut:

JADUAL 2: Frasa Adjektif “Kesangatan” untuk Tabii

Bil.	Frasa Dialek Terengganu		Bahasa Melayu	Makna
	Kata adjektif	Kata kesangatan (kelas kata)		
1.	malah	apah (nama)	malas hampas	sangat malas
2.	dəku?	pə'e? (adjektif)	kedekut pahit	sangat kedekut
3.	dəku?	ladʒo? (kerja)	kedekut terlajak	sangat kedekut
4.	baje?	dəʔoh (penguat)	baik bedooh	sangat baik
5.	baje?	bəno (penguat)	baik benar	sangat baik
6.	luruh	bəndo (nama)	lurus bendul	sangat lurus

Berikut merupakan contoh ayat yang menggunakan kata kesangatan bersama dengan frasa adjektif tabii.

1. /mirəl malah apah nəʔ bu<sup>w</sup>at kəjə skələh/. (DMT)  
 Mirul sangat malas hendak buat kerja sekolah. (BMS)
2. /dəku? pə'e? əyən kajə həʔ dudəʔ yuməh banlə tu/ (DMT)  
 Orang kaya yang tinggal di rumah banglo itu sangat kedekut. (BMS)
3. /budəʔ lakij tu dəku? llajəʔ/. (DMT)  
 Budak lelaki itu sangat kedekut. (BMS)
4. /bə'e? dəʔoh muŋ ni/. (DMT)  
 Kamu ini sangat baik. (BMS)
5. /bə'e? bəno ənəʔ pu<sup>w</sup>ən pəʔ ali səʔmo toləŋ əyən/. (DMT)  
 Anak perempuan Pak Ali sangat baik selalu tolong orang. (BMS)
6. /budəʔ lakij tu luruh bəndo la/. (DMT)  
 Budak lelaki itu lurus bendul. (BMS)

### Kata “Kesangatan” Untuk Frasa Adjektif Warna

KA jenis ini terdiri daripada perkataan yang membawa pengertian warna sebagai unsur keterangan seperti merah, putih, hitam, kelabu dan kuning. Warna juga boleh berfungsi sebagai kata nama dan juga kata sifat (Asmah, 2009). Berikut adalah jadual dan contoh ayat untuk KA warna yang hadir bersama kata kesangatan.

JADUAL 3: Frasa Adjektif “Kesangatan” untuk Warna

Bil.	Frasa Dialek Terengganu		Bahasa Melayu	Makna
	Kata adjektif	Kata kesangatan (kelas kata)		
7.	meyoh	jalər (kerja)	merah menyala	sangat merah
8.	ija	naun (kerja)	hijau naung	sangat hijau
9.	biyu	heyən (adjektif)	biru hairan	sangat biru
10.	kuniñ	siñə (kerja)	kuning sinyo	sangat kuning
11.	puteh	səpə? (kerja)	putih sepuk	sangat putih
12.	itañ	ləgən (adjektif)	hitam legam	sangat hitam

7. /meyoh jalər badzu siti paka /. (DMT)  
Baju yang dipakai Siti sangat merah. (BMS)
8. /idza nāun wanə yumoh bayu pahmi/. (DMT)  
Warna rumah baru Fahmi sangat hijau. (BMS)
9. /biyu heyən kalər badzu ali/ (DMT)  
Warna baju Ali sangat biru. (BMS)
10. /kuniñ siñə isi duyian niñ/. (DMT)  
Isi durian ini sangat kuning. (BMS)
11. /putəh səpə? kule? mukə azra/. (DMT)  
Kulit muka Azra sangat putih. (BMS)
12. /itañ ləgən mukə ade?/. (DMT)  
Muka Adik sangat hitam. (BMS)

### Kata “Kesangatan” Untuk Frasa Adjektif Ukuran

KA ukuran ialah jenis perkataan yang memberi pengertian ukuran sebagai unsur keterangan. KA ukuran juga adalah kata adjektif yang merujuk kepada ukuran benda bernyawa atau tidak bernyawa, konkrit atau abstrak. Contoh kata-kata itu adalah besar, kecil, gemuk, kurus, panjang, pendek, tebal, nipis, berat, ringan dan sebagainya. Berdasarkan itu, kita boleh membahagikan pula subgolongan itu kepada kata sifat ukuran saiz dan kata sifat ukuran kapasiti. Berdasarkan definisi yang diberikan oleh Asmah (2009),



maka pengkaji memasukkan perkataan mahal dan murah di bawah subgolongan KA ukuran. Berikut adalah jadual dan contoh ayat untuk KA ukuran yang hadir bersama kata kesangatan.

JADUAL 4: Frasa Adjektif “Kesangatan” untuk Ukuran

Bil.	Frasa Dialek Terengganu		Bahasa Melayu	Makna
	Kata adjektif	Kata kesangatan (kelas kata)		
13.	paŋdʒaŋ	dʒəŋgəŋ (adjektif)	panjang jenggong	sangat panjang
14.	paŋdʒaŋ	dʒələ (adjektif)	panjang jela	sangat panjang
15.	tiŋgi	laŋi? (penguat)	tinggi melangit	sangat tinggi
16.	pəndɛ?	kətɔ? (adjektif)	pendek ketot	sangat pendek
17.	kəŋi?	tuwɛ? (morfem terikat)	kecil tuwek	sangat kecil
18.	bəsə	bapɔ? (nama)	besar bapa	sangat besar
19.	bəsə	dʒerəgo? (penguat)	besar jereguk	sangat besar
20.	nipih	nayaŋ (morfem terikat)	nipis nayang	sangat nipis
21.	təba	nauŋ (morfem terikat)	tebal naung	sangat tebal
22.	yəŋaŋ	nəpəŋ (kerja)	ringan terapung	sangat ringan
23.	bəɣa?	nanəŋ (morfem terikat)	berat nanang	sangat berat
24.	maha	dɔʔəh (penguat)	mahal bedooh	sangat mahal

13. /paŋdʒaŋ dʒəŋgəŋ kuku muŋ maŋfaŋ antu/. (DMT)  
Kuku kamu sangat panjang macam hantu. (BMS)
14. /pɔ? abu adə tanoh gətəh paŋdʒaŋ dʒələ /. (DMT)  
Pak Abu mempunyai tanah getah yang sangat panjang. (BMS)
15. /tiŋgi laŋit baŋunaŋ klcc tu/. (DMT)  
Bangunan KLCC itu sangat tinggi. (BMS)
16. /pəndɛ? kətɔ? pokɔ? buŋə tu/. (DMT)  
Pokok bunga itu sangat pendek. (BMS)
17. /badʒu hɔ? ayəh bəli untɔ? ibu kəŋi? tuwɛ?/. (DMT)  
Baju yang dibeli ayah untuk ibu sangat kecil. (BMS)
18. /bəsə bapɔ? ɣuməh ʃi?gu ɣəslan/. (DMT)  
Rumah cikgu Roslan sangat besar. (BMS)
19. /bəsə dʒerəgo? baŋunaŋ tu/. (DMT)  
Bangunan itu sangat besar. (BMS)
20. /nipih nayaŋ badʒu hɔ? nilofa paka/. (DMT)  
Baju yang dipakai oleh Neelofa sangat nipis. (BMS)
21. /təba nauŋ kamuh dewaŋ ni/. (DMT)  
Kamus Dewan ini sangat tebal. (BMS)

22. /yeŋaŋ nəpəŋ beg kəlɔh adɛʔ/. (DMT)  
 Beg sekolah adik sangat ringan. (BMS)
23. /bəyaʔ nanəŋ kətɔʔ bayəŋ tu/. (DMT)  
 Kotak barang itu sangat berat. (BMS)
24. /maha dɔʔɔh haʔgə badʒu tu/. (DMT)  
 Harga baju itu sangat mahal. (BMS)

**Kata “Kesangatan” Untuk Frasa Adjektif Bentuk**

Menurut Asmah (2009), KA bentuk memberi keterangan sesuatu bentuk dan pada lazimnya merujuk ciri benda bernyawa atau tak bernyawa yang konkrit. KA bentuk juga ialah jenis perkataan yang membawa pengertian rupa bentuk sebagai unsur keterangan. Jadual 5 menunjukkan kata kesangatan yang muncul dalam frasa adjektif “kesangatan” untuk bentuk.

JADUAL 5: Frasa Adjektif “Kesangatan” untuk Bentuk

Bil.	Frasa Dialek Terengganu		Bahasa Melayu	Makna
	Kata adjektif	Kata kesangatan (kelas kata)		
25.	bulaʔ	getɛ (penguat)	bulat getel	sangat bulat
26.	rɛjɔʔ	tɛpaŋ (nama)	reyok tempang	sangat senget
27.	kəpɛʔ	wɛʔ (morfem terikat)	kemik wek	sangat kemik
28.	bəŋkɔʔ	ʃɔbɔŋ (morfem terikat)	bengkak cobong	sangat bengkak
29.	gəməʔ	dɛbɔʔ (adjektif)	gemuk gedebak	sangat gemuk
30.	kuruh	kəkɛʔ (morfem terikat)	kurus kekek	sangat kurus

Berikut adalah contoh ayat yang menunjukkan penggunaan kata kesangatan dalam frasa adjektif bentuk:

25. /bulaʔ getɛ kueh hɔʔ mɔʔ buwaʔ/. (DMT)  
 Kuih yang dibuat Mak sangat bulat. (BMS)
26. /badʒu hɔʔ kakɔʔ dʒaheʔ rɛjɔʔ tɛpaŋ/. (DMT)  
 Baju yang dijahit Kakak sangat senget. (BMS)
27. /kəpɛʔ wɛʔ ketə tu səbaʔ bəʔlanɡɔʔ/. (DMT)  
 Kereta itu sangat kemek akibat kemalangan. (BMS)
28. /bəŋkɔʔ cɔbɔŋ palə adɛʔ lanɡɔʔ tiaŋ/. (DMT)  
 Kepala adik sangat bengkak kerana terlanggar tiang. (BMS)
29. /gəməʔ dɛbɔʔ muŋ ləniŋ/. (DMT)  
 Kamu sangat gemuk sekarang. (BMS)
30. /kuɣuh kəkɛʔ ɔyaŋ tu səbaʔ isaʔ dadɔh/. (DMT)

Orang itu sangat kurus kerana menghisap dadah. (BMS)

### **Kata “Kesangatan” Untuk Frasa Adjektif Indera**

Menurut Asmah (2009), KA indera adalah kata adjektif yang menerangkan ciri sesuatu berdasarkan kesan yang diperolehi melalui salah satu dari pancaindera, iaitu indera rasa, indera pandang, indera dengar, indera bau dan indera sentuh. Dengan itu, maka adjektif indera pun boleh dibahagikan kepada lima subgolongan berdasarkan lima indera berkenaan.

#### **a) Indera rasa**

JADUAL 6: Frasa Adjektif “Kesangatan” untuk Indera Rasa

Bil.	Frasa Dialek Terengganu		Bahasa Melayu	Makna
	Kata adjektif	Kata kesangatan (kelas kata)		
31.	tawɔ	hebe (penguat)	tawar hebe	sangat tawar
32.	manih	lɔteŋ (penguat)	manis leting	sangat manis
33.	maseŋ	pəkɔʔ (nama)	masin pekak	sangat masin
34.	masaŋ	puriʔ (penguat)	masam purit	sangat masam
35.	pa'eʔ	lɔpaŋ (penguat)	pahit lepaŋ	sangat pahit
36.	pədəh	dəsiʔ (adjektif)	pedas desik	sangat pedas
37.	sədəʔ	bəno (penguat)	sedap benar	sangat sedap

Terdapat tujuh jenis kata kesangatan yang digunakan dalam frasa adjektif “kesangatan” indera rasa iaitu [hebe, lɔteŋ, pəkɔʔ, puriʔ, lɔpaŋ, dəsiʔ, bəno]. Ayat 31 hingga 37 merupakan contoh ayat yang menggambarkan penggunaan kata kesangatan dalam frasa adjektif indera rasa.

31. /tawɔ hebe air teh hɔʔ adɛʔ bu<sup>w</sup>aʔ/. (DMT)  
Air teh yang dibuat adik sangat tawar. (BMS)
32. /manih lɔteŋ ae sɔja tu/. (DMT)  
Air soya itu sangat manis. (BMS)
33. /maseŋ pəkɔʔ laɔʔ tu/. (DMT)  
Lauk itu sangat masin. (BMS)
34. /masaŋ puyiʔ ʔasə wɔh pələŋ itu/. (DMT)  
Rasa buah mempelam itu sangat masam. (BMS)
35. /pa'eʔ lɔpaŋ ae kɔpi hɔʔ kakɔʔ waʔ/. (DMT)  
Air kopi yang dibuat kakak sangat pahit. (BMS)
36. /pədəh dəsiʔ ayaŋ masɔʔ mɛyɔh tu/. (DMT)  
Ayam masak merah itu sangat pedas. (BMS)

37. /sədaʔ bəno nasi gəyən muŋ/. (DMT)  
Nasi goreng kamu sangat sedap. (BMS)

### b) Indera pandang

KA pancaindera pandang ini dapat dijelaskan sebagai satu keadaan yang dapat diperhatikan dan diberikan tanggapan oleh manusia secara subjektif. Hal ini kerana, setiap pandangan dan penilaian adalah berbeza antara satu sama lain. Berikut adalah jadual dan contoh ayat untuk KA indera pandang yang hadir bersama jenis kata kesangatan.

JADUAL 7: Frasa Adjektif “Kesangatan” untuk Indera Pandang

Bil.	Frasa Dialek Terengganu		Bahasa Melayu	Makna
	Kata adjektif	Kata kesangatan (kelas kata)		
38.	buʔoʔ	ləpoʔ (penguat)	buruk pok	sangat buruk
39.	ʃome	lote (penguat)	comel lote	sangat comel
40.	udoh	səpaŋ (morfem terikat)	hodoh sepang	sangat hodoh
41.	ʃəyoh	dəyaŋ (penguat)	cerah bederang	sangat cerah
42.	gəlaʔ	guguʔ (penguat)	gelap guguk	sangat gelap
43.	gəlaʔ	gələmaʔ (penguat)	gelap gelemat	sangat gelap
44.	gəlaʔ	katuʔ (penguat)	gelap katup	sangat gelap

38. /buʔoʔ ləpoʔ yuməh pəʔ ali/. (DMT)  
Rumah Pak Ali sangat buruk. (BMS)
39. /ʃome lote anəʔ kucing tu/. (DMT)  
Anak kucing itu sangat comel. (BMS)
40. /udoh səpaŋ badzu nilopa paka/. (DMT)  
Baju yang dipakai Neelofa sangat hodoh. (BMS)
41. /cəyoh dəyaŋ yuməh pəʔ maŋ bilə anəʔ diʔə yama baleʔ/. (DMT)  
Rumah Pak Man sangat cerah bila ramai anak dia balik. (BMS)
42. /gəlaʔ guguʔ yuməh aku malaŋ səbaʔ təʔ dəʔ api/. (DMT)  
Semalam rumah aku sangat gelap sebab tiada elektrik. (BMS)
43. /gəlaʔ gələmaʔ ləyən tu waʔtu malaŋ/. (DMT)  
Lorong itu sangat gelap pada waktu malam. (BMS)
44. /gəlaʔ katuʔ yuməh pəʔ abu səbaʔ taʔ dəʔ api/. (DMT)  
Rumah Pak Abu sangat gelap kerana ketiadaan elektrik. (BMS)

c) Indera dengar

Jadual 8 menunjukkan terdapat dua jenis kata kesangatan yang digunakan dalam frasa adjektif “kesangatan” indera dengar iaitu [bangō, tupah]. Ayat 45 dan 46 merupakan contoh ayat yang menggambarkan penggunaan kata kesangatan dalam frasa adjektif “kesangatan” indera dengar.

JADUAL 8: Frasa Adjektif “Kesangatan” untuk Indera Dengar

Bil.	Frasa Dialek Terengganu		Bahasa Melayu	Makna
	Kata adjektif	Kata kesangatan (kelas kata)		
45.	bisiŋ	bangō (adjektif)	bising bangor	sangat bising
46.	səpaʔ	tupah (morfem terikat)	senyap tupah	sangat senyap

45. /bisiŋ bangō kələh tʃɛʔgu yahim/. (DMT)  
Kelas cikgu Rahim sangat bising. (BMS)

46. /səpaʔ tupah yuməh minəh /. (DMT)  
Rumah Minah sangat senyap. (BMS)

d) Indera bau

Jadual 9 menunjukkan terdapat lima jenis kata kesangatan yang muncul dalam frasa adjektif “kesangatan” indera bau DT. Ayat 47 hingga 51 merupakan contoh ayat yang menggambarkan penggunaan kata kesangatan dalam frasa adjektif “kesangatan” indera bau.

JADUAL 9: Frasa Adjektif “Kesangatan” untuk Indera Bau

Bil.	Frasa Dialek Terengganu		Bahasa Melayu	Makna
	Kata adjektif	Kata kesangatan (kelas kata)		
47.	busuʔ	kəhoŋ (penguat)	busuk kohong	sangat busuk
48.	busuʔ	bangō (penguat)	busuk bangar	sangat busuk
49.	aʃiŋ	pəriŋ (adjektif)	hancing pering	sangat hancing
50.	haŋe	pəkəʔ (adjektif)	hanyir pekat	sangat hanyir
51.	wangi	məkəʔ (kerja)	wangi mekar	sangat wangi

47. /busuʔ kəhoŋ bau taiʔ ayaŋ tu/. (DMT)  
Bau tahi ayam itu sangat busuk. (BMS)

48. /busuʔ bangō bau wani səbaʔ dəʔ maŋdi/. (DMT)  
Bau Wani sangat busuk kerana tidak mandi. (BMS)

49. /aʃiŋ pəriŋ bau dʒambaŋ laki kaʔ kələh tu/. (DMT)  
Bau tandas lelaki di sekolah itu sangat hancing. (BMS)

50. /həŋe pəkɔʔ bau ikan tu/. (DMT)  
Bau ikan itu sangat hanyir. (BMS)
51. /wəŋgi məkɔʔ bau nasi hɔʔ bayu masɔʔ tu/. (DMT)  
Bau nasi yang baru masak itu sangat wangi. (BMS)

**e) Indera sentuh**

Jadual 10 menunjukkan jenis kata kesangatan yang muncul dalam frasa adjektif “kesangatan” indera sentuh. Ayat 52 hingga 57 merupakan contoh ayat yang menggambarkan penggunaan kata kesangatan dalam frasa adjektif “kesangatan” indera sentuh.

JADUAL 10: Frasa Adjektif “Kesangatan” untuk Indera Sentuh

Bil.	Frasa Dialek Terengganu		Bahasa Melayu	Makna
	Kata adjektif	Kata kesangatan (kelas kata)		
52.	aluh	sidʒaʔ (kerja)	halus siat	sangat halus
53.	basoh	jəyɔʔ (penguat)	basah jeruk	sangat basah
54.	fʃaʔe	bɔlle (penguat)	cair bojer	sangat cair
55.	pəkəʔ	likaʔ (adjektif)	pekat likat	sangat pekat
56.	tupɔ	gələbeʔ (morfem terikat)	tumpul gelebet	sangat tumpul
57.	kəyɑh	khəɖʒɔŋ (penguat)	keras genjur	sangat keras

52. /aluh sidʒaʔ bənaŋ niŋ susɔh nɔʔ fʃɔfʃɔh ɖʒaɣuŋ/. (DMT)  
Tali benang ini sangat halus susah hendak masuk dalam lubang jarum. (BMS)
53. /basoh ɖʒəyɔʔ aɖeʔ balɛʔ kɔləh səbaʔ ujaŋ/. (DMT)  
Adik balik sekolah dengan sangat basah disebabkan hujan. (BMS)
54. /fʃaʔe bɔlle ae batu tu səbaʔ aɖeʔ dɔʔ iŋaʔ simpaŋ dalaŋ pəti/. (DMT)  
Air batu itu sudah sangat cair kerana adik lupa untuk simpan dalam peti ais. (BMS)
55. /pəkəʔ likaʔ air milɔ məʔ waʔ/. (DMT)  
Air milo yang dibuat Mak sangat pekat. (BMS)
56. /tupɔ gələbeʔ pisa niŋ susɔh nɔʔ kəyɑʔ ayaŋ/. (DMT)  
Pisau ini sangat tumpul sehingga susah hendak potong ayam. (BMS)
57. /kəyɑh khəɖʒɔŋ ikan tu bayu kuɔʔ pəti səɖʒɔʔ/. (DMT)  
Ikan itu sangat keras kerana baru dikeluarkan dari peti ais. (BMS)

### Kata “Kesangatan” Untuk Frasa Adjektif Waktu

Menurut Asmah (2009), KA waktu ialah sejenis perkataan yang membawa pengertian konsep masa sebagai unsur keterangan seperti baharu, lama dan segera. Jadual 11 memperlihatkan jenis kata kesangatan yang muncul dalam frasa adjektif waktu DT.

JADUAL 11: Frasa Adjektif “Kesangatan” untuk Waktu

Bil.	Frasa Dialek Terengganu		Bahasa Melayu	Makna
	Kata adjektif	Kata kesangatan (kelas kata)		
58.	bayu	mətəh (nama)	baru sebentar	sangat baru
59.	lamə	ɟamaŋ (nama)	lama zaman	sangat lama
60.	lamə	bəno (penguat)	lama benar	sangat lama

Berikut merupakan contoh ayat yang menunjukkan penggunaan kata kesangatan dengan frasa adjektif waktu DT.

58. /bayu mətəh tadi ali tolə? gi kəɟə/. (DMT)  
Ali bertolak pergi ke kerja baru sebentar tadi. (BMS)
59. /lamə ɟamaŋ aku tuŋgu muŋ/. (DMT)  
Aku tunggu kamu sangat lama. (BMS)
60. /lamə bəno siti gi ɟambaŋ/. (DMT)  
Siti pergi ke tandas sangat lama. (BMS)

### Kata “Kesangatan” Untuk Frasa Adjektif Jarak

Menurut Asmah (2009), KA dalam subgolongan ini menerangkan jarak antara dua titik, yakni dari penutur kepada yang dirujuknya. KA jarak juga ialah sejenis perkataan yang membawa pengertian konsep ruang antara dua bentuk atau keadaan sebagai penerang KN seperti jauh dan dekat. Berikut merupakan jadual dan contoh ayat yang menunjukkan kemunculan kata kesangatan dalam frasa adjektif “kesangatan” jarak.

JADUAL 12: Frasa Adjektif “Kesangatan” untuk Jarak

Bil.	Frasa Dialek Terengganu		Bahasa Melayu	Makna
	Kata adjektif	Kata kesangatan (kelas kata)		
61.	dəka?	ləpəh (morfem terikat)	dekat lepeh	sangat dekat
62.	ujəŋ	su? (penguat)	hujung sut	sangat hujung

61. /dəka? ləpəh ɟara? ɣuməh abu dəŋəŋ kələh/. (DMT)

- Jarak rumah Abu dengan sekolah sangat dekat. (BMS)
62. /ujɔŋ su? yumɔh tɔ? pəŋhulu kampɔŋ pisaŋ/. (DMT)  
Rumah Tuk Penghulu Kampung Pisang sangat hujung. (BMS)

### Kata “Kesangatan” Untuk Frasa Adjektif Kecepatan

Menurut Asmah (2009), KA kecepatan merujuk kepada daya cepatnya sesuatu gerak, misalnya cepat dan lambat. Selain itu, KA kecepatan juga ialah sejenis perkataan yang merujuk kecepatan sesuatu gerak. Jadual 13 menunjukkan jenis kata kesangatan yang muncul bersama kata adjektif kecepatan.

JADUAL 13: Frasa Adjektif “Kesangatan” untuk Kecepatan

Bil.	Frasa Dialek Terengganu		Bahasa Melayu	Makna
	Kata adjektif	Kata kesangatan (kelas kata)		
63.	dəyah	bədəsu? (adjektif)	deras berdesut	sangat cepat/ sangat deras
64.	bəta?	dɔ?ɔh (penguat)	lembap bedooh	sangat lembap
65.	səlɔ	kəpəh (morfem terikat)	perlahan kepeh	sangat perlahan
66.	awa	dɔ?ɔh (penguat)	awal bedooh	sangat awal
67.	ʃəpa?	bəno (penguat)	cepat benar	sangat cepat

Ayat 63 hingga 67 merupakan contoh ayat yang menunjukkan penggunaan kata kesangatan dalam frasa adjektif kecepatan.

63. /dəyah bədəso? ali wa? kəɟə kəlɔh/. (DMT)  
Ali membuat kerja sekolah dengan sangat cepat. (BMS)
64. /bəta? dɔ?ɔh muŋ niŋ wa? kəɟe/. (DMT)  
Kamu ini sangat lembap buat kerja. (BMS)
65. /səlɔ kəpəh adə? bawɔ? basika gi kəlɔh/. (DMT)  
Adik menaiki basikal ke sekolah sangat perlahan. (BMS)
66. /awa dɔ?ɔh hana gi kəɟə aŋi niŋ/. (DMT)  
Hana pergi kerja hari ini sangat awal. (BMS)
67. /ʃəpa? bəno siti wa? təsih sia? dɔh/. (DMT)  
Siti membuat tesis dengan sangat cepat kerana sudah siap. (BMS)

### Kata “Kesangatan” Untuk Frasa Adjektif Kuasa Tenaga

Menurut Asmah (2009), KA Kuasa Tenaga ialah perkataan yang menunjukkan kekuatan sesuatu seperti sihat, segar dan kuat. Berikut merupakan jadual dan contoh ayat yang menunjukkan kemunculan kata kesangatan dalam frasa adjektif “kesangatan” guna tenaga.



JADUAL 14: Frasa Adjektif “Kesangatan” untuk Kuasa Tenaga

Bil.	Frasa Dialek Terengganu		Bahasa Melayu	Makna
	Kata adjektif	Kata kesangatan (kelas kata)		
68.	puʃaʔ	ləsi (penguat)	pucat lesi	sangat pucat
69.	puʃaʔ	kəseŋ (adjektif)	pucat kesing	sangat pucat
70.	sehaʔ	bəno (adjektif)	sihat benar	sangat sihat

68. /puʃaʔ ləsi mukə ila səbaʔ yə dəmaŋ/. (DMT)  
Muka Ila sangat pucat kerana dia demam. (BMS)

69. /puʃaʔ kəseŋ mukə sayah səbaʔ sakeʔ pəyʊʔ/. (DMT)  
Muka Sarah sangat pucat kerana sakit perut. (BMS)

70. /sehaʔ bəno budəʔ tu/. (DMT)  
Budak itu sangat sihat. (BMS)

### Frasa Adjektif “Kesangatan” Untuk Taraf

Menurut Asmah (2009), KA subgolongan ini merujuk kepada taraf seseorang dalam masyarakat, baik dari aspek kebendaan ataupun aspek-aspek bukan kebendaan, misalnya ternama, terkenal dan sebagainya. Berikut merupakan jadual dan contoh ayat yang menunjukkan kemunculan kata kesangatan dalam frasa adjektif “kesangatan” taraf DT.

JADUAL 15: Frasa Adjektif “Kesangatan” untuk Taraf

Bil.	Frasa Dialek Terengganu		Bahasa Melayu	Makna
	Kata adjektif	Kata kesangatan (kelas kata)		
71.	kayə	mbəŋ (morfem terikat)	kaya mbeng	sangat kaya
72.	kayə	ladʒəʔ (kerja)	kaya terlajak	sangat kaya
73.	sənaŋ	dəʔəh (penguat)	senang bedooh	sangat senang
74.	səsəʔ	bəno (adjektif)	susah benar	sangat susah

71. /kayə mbəŋ ajəh amin bawəʔ kətə məʔcədəh/. (DMT)  
Ayah Amin sangat kaya kerana menaiki kereta Mercedes. (BMS)

72. /kayə ladʒəʔ yozita ʃhe waŋ gi laŋcəŋ tiaʔ tahuŋ/. (DMT)  
Rozita Che Wan sangat kaya kerana mampu pergi melancong setiap tahun. (BMS)

73. /sənaŋ dəʔəh idəʔ pəʔ ali ləniŋ səbaʔ anəʔ yə səmua kəʒəʔ/. (DMT)  
Kehidupan Pak Ali sangat senang sekarang kerana semua anaknya sudah berkerja. (BMS)

74. /səsəʔ bəno əyaŋ tu<sup>w</sup>a tu/. (DMT)  
Orang tua itu sangat susah. (BMS)

### Kata “Kesangatan” Untuk Frasa Adjektif Suhu

Menurut Asmah (2009), KA suhu adalah kata sifat yang membawa makna sejuk panasnya keadaan alam dan juga jasmani. Dalam konteks tertentu seperti mengukur keadaan suhu dalam alam sekitar dan juga panas badan, tinggi rendah suhu dilihat dengan alat yang kita kenal sebagai jangka suhu. KA dalam golongan ini tidak banyak iaitu panas, hangat, sejuk, dingin dan suam. Kata-kata ini kecuali kata ‘suam’, banyak digunakan dalam metafora yang menggambarkan sikap serta juga hubungan antara negara dan juga antara orang perseorangan. Misalnya: berita yang masih panas, sejuk mata memandang, perang dingin, (dia) masih hangat (marah). Berikut merupakan jadual dan contoh ayat yang menunjukkan kemunculan kata kesangatan dalam frasa adjektif “kesangatan” suhu.

JADUAL 16: Frasa Adjektif “Kesangatan” untuk Suhu

Bil.	Frasa Dialek Terengganu		Bahasa Melayu	Makna
	Kata adjektif	Kata kesangatan (kelas kata)		
75.	panah	kəte? (penguat)	panas ketek	sangat panas
76.	panah	dəyiŋ (adjektif)	panas dering	sangat panas
77.	səɖɔ?	kəttə (adjektif)	sejuk ketar	sangat sejuk

75. /panah kəte? kətə əbəh səba? du? təŋoh panah/. (DMT)  
Kereta Abah sangat panas kerana terletak di tengah panas matahari. (BMS)
76. /panah dəyiŋ cu<sup>w</sup>acə ayi niŋ/. (DMT)  
Cuaca hari ini sangat panas. (BMS)
77. /səɖɔ? kəttə ə təlaga tu/. (DMT)  
Air telaga itu sangat sejuk. (BMS)

### Kata “Kesangatan” Untuk Frasa Adjektif Emosi

Menurut Asmah (2009), emosi merujuk kepada perasaan yang muncul dan ada kalanya meluap-luap disebabkan sesuatu yang berlaku. Ada emosi yang positif seperti gembira, riang, bahagia, dan sebagainya. Jadual 17 memperlihatkan jenis kata kesangatan yang muncul dalam frasa adjektif “kesangatan” emosi.

JADUAL 17: Frasa Adjektif “Kesangatan” untuk Emosi

Bil.	Frasa Dialek Terengganu		Bahasa Melayu	Makna
	Kata adjektif	Kata kesangatan (kelas kata)		
78.	sukə	də?əh (penguat)	suka bedooh	suka sangat

Contoh ayat 78 menunjukkan penggunaan kata kesangatan [də?əh] dalam DT.

78. /sukə də?əh adə? dapa? adɪəh basika/. (DMT)  
Adik sangat suka dapat hadiah basikal. (BMS)

### Kata “Kesangatan” Untuk Frasa Adjektif Akaliah

Menurut Asmah (2009), KA akaliah membawa makna penerapan fikiran atau akal. KA yang termasuk dalam golongan ini ada yang positif, yakni yang betul-betul merujuk kepada penggunaan akal. Misalnya, cerdik dan pandai. Manakala, yang negatifnya itu menunjukkan ketiadaan penggunaan akal, misalnya bodoh dan dungu. Berikut merupakan jadual dan contoh ayat yang menunjukkan kemunculan jenis kata kesangatan dalam frasa adjektif “kesangatan” akaliah.

JADUAL 18: Frasa Adjektif “Kesangatan” untuk Akaliah

Bil.	Frasa Dialek Terengganu		Bahasa Melayu	Makna
	Kata adjektif	Kata kesangatan (kelas kata)		
79.	bɔdɔ	dɔʔɔh (penguat)	Bodoh bedooh	Sangat bodoh
80.	bɔdɔ	ladʒɔʔ (kerja)	Bodoh telajak	Sangat bodoh

79. /bɔdɔ dɔʔɔh muŋ niŋ/. (DMT)  
Kamu ini sangat bodoh. (BMS)

80. /bɔdɔ ladʒɔʔ adɛʔ siti sɔʔmɔ dapaʔ nombɔ lah dalam kələh/. (DMT)  
Adik Siti sangat bodoh kerana selalu dapat nombor terakhir dalam kelas. (BMS)

### Kata “Kesangatan” Untuk Frasa Adjektif Akhlak

Menurut Asmah (2009), KA akhlak menggambarkan perangai seseorang menurut peraturan-peraturan agama dan kesusilaan. Pengkaji meletakkan KA jahil di bawah kategori KA akhlak bukannya di bawah KA sifat kerana menurut Asmah Haji Omar (2015) KA akhlak menggambarkan perangai seseorang menurut peraturan-peraturan agama dan kesusilaan. Kata-kata adjektif dalam golongan ini ada positif dan juga negatif. Oleh itu, KA jahil lebih sesuai diletakkan dibawah KA jenis akaliah. Berikut merupakan jadual dan contoh ayat yang menunjukkan kemunculan kata kesangatan dalam frasa adjektif “kesangatan” akhlak.

JADUAL 19: Frasa Adjektif “Kesangatan” untuk Akhlak

Bil.	Frasa Dialek Terengganu		Bahasa Melayu	Makna
	Kata adjektif	Kata kesangatan (kelas kata)		
81.	dʒahe	tuki (morfem terikat)	jahil tukil	sangat jahil
82.	dʒahe	bəno (penguat)	jahil benar	sangat jahil

81. /dʒahe tuki akim tu. ɔʔaŋ təŋɔh baŋ puŋ maiŋ gitaʔ/. (DMT)  
Akim itu sangat jahil. Orang tengah azan pun masih main gitar. (BMS)

82. /dʒahe bəno muŋ niŋ səmə pasa agamə dɔʔ tahu/. (DMT)  
Kamu ini sangat jahil, semua pasal agama tidak tahu. (BMS)

## PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada analisis data yang dilakukan, dapat dirumuskan bahawa kata “kesangatan” dalam DT boleh wujud pada 14 jenis KA yang dibahagikan oleh Asmah Haji Omar (2009). Kehadiran kata kesangatan dalam DT adalah mengikut jenisnya yang tersendiri dalam KA dan memiliki fungsinya yang tersendiri. Daripada dapatan kajian ini, pengkaji mendapati kata kesangatan yang digunakan dalam DT hanya boleh hadir di belakang kata adjektif. Sebagai contoh,

[dəku? pahe?]	*pahe? dəku?	“sangat kedekut”
[meyah paler]	*meyah paler	“sangat merah”

Berdasarkan contoh di atas, jika kata kesangatan dalam DTKBS ini hadir sebelum KA ianya akan binaan frasa adjektif “kesangatan” DT dan ianya tidak dapat memberikan maksud yang dikehendaki iaitu untuk merujuk kepada tahap kesangatan.

Manakala, ayat yang akan dihasilkan oleh penutur DT juga menjadi tidak gramatis dan pendengar tidak dapat memahami maksud yang ingin disampaikan. Ayat tersebut dilihat seakannya tidak dapat memberikan makna melampau atau kesangatan kepada KA tersebut. Misalnya, dalam contoh ayat frasa adjektif tabii kedekut [dəku? pa'e? əyən kajə hə? dudə? yəmoh banlə tu]. Jika ditukarkan kedudukan kata kesangatan dalam ayat tersebut menjadi [pa'e? dəku? əyən kajə hə? dudə? yəmoh banlə tu], ayat tersebut menjadi tidak gramatis dalam DT dan makna melampau juga tidak dapat disampaikan oleh penutur.

Daripada dapatan kajian dan perbincangan, leksikal yang hadir selepas KA dalam DT ini dilihat mempunyai fungsi yang sama dengan kata penguat dalam BMS iaitu untuk menguatkan dan memberikan darjah kesangatan kepada KA. Walau bagaimanapun, kata kesangatan dalam DT ini dilihat lebih unik dan berlainan dengan BMS. Hal ini kerana, kata penguat BMS biasanya boleh berfungsi untuk pelbagai kategori KA dan bersifat produktif seperti amat, sangat dan sungguh. Namun begitu, bagi kata kesangatan dalam DT hanya boleh berfungsi pada satu KA sahaja atau pada KA yang tertentu sahaja bagi memberikan penekanan makna kesangatan. Hal ini menunjukkan kata adjektif DT bersifat khusus dan tidak produktif. Sebagai contoh, bagi frasa adjektif warna [biyu heyən]. Kata kesangatan [heyən] hanya muncul bagi KA warna biru sahaja dalam DT.

Malahan, kata kesangatan dalam DTKBS juga tidak dapat memberikan makna melampau atau kesangatan KA dalam DT jika hadir pada KA yang salah. Sebagai contoh, jika KA manis dipasangkan dengan kata kesangatan yang muncul dalam KA tawar iaitu [hebe]. Sebagai contoh ayat, [manih hebe ae soja tu]. Maka, ayat yang dihasilkan tersebut menjadi tidak gramatis dan tidak dapat memberikan penekanan makna kesangatan bagi KA manis berbanding dengan kata kesangatan yang betul iaitu [manih ləteŋ] yang lebih gramatis dan memberikan makna sangat manis yang dapat dibuktikan dalam contoh ayat apabila dibetulkan menjadi [manih ləteŋ ae soja tu].

Di samping itu, hasil kajian menunjukkan terdapat juga kata kesangatan yang boleh muncul pada beberapa kata adjektif. Kata kesangatan ini bersifat produktif dalam DT kerana muncul pada beberapa kata adjektif dan memberikan tingkat kesangatan kepada kata adjektif tersebut. Sebagai contoh kata kesangatan [bəno], [bədooh] dan [ladzo?]. Kata kesangatan [bəno] hadir pada KA tabii, KA indera rasa, KA waktu, KA kecepatan, KA kuasa tenaga, KA taraf dan KA akhlak. Manakala, kata kesangatan [bədooh] hadir pada

KA tabii, KA ukuran, KA kecepatan, KA taraf, KA emosi dan KA akaliah. Kata kesangatan [ladʒoʔ] hadir pada KA tabii, KA taraf dan KA akaliah. Hal ini sedemikian kerana, merujuk definisi yang diberikan dalam Kamus Dewan Edisi Ke-4, kesemua kata kesangatan tersebut sudah mempunyai makna kesangatan atau melampau. Oleh sebab itu, kata kesangatan tersebut boleh muncul pada beberapa kata adjektif dalam DT.

Walaupun dalam kajian ini, terdapat kata kesangatan yang dapat hadir pada beberapa jenis KA yang berlainan. Namun, kata kesangatan tersebut juga mestilah dipadankan dengan KA yang sebetulnya supaya mampu memberikan penekanan makna kesangatan dalam KA tersebut. Sebagai contoh, bagi kata kesangatan [naun] yang muncul dalam KA ukuran tebal dan KA warna hijau. Walaupun kata kesangatan [naun] muncul pada dua kata KA yang berlainan kategori namun ianya mestilah dipadankan dengan KA dari kategori itu sahaja. Hal ini kerana, apabila kata kesangatan [naun] hadir pada KA yang salah ianya tidak dapat memberikan makna kesangatan kepada KA tersebut.

Seterusnya, dapat dirumuskan bahawa perbezaan setiap kata kesangatan yang muncul dalam membentuk frasa adjektif “kesangatan” DTKBS adalah disebabkan oleh pengaruh daripada dialek Kelantan. Kedudukan geografi negeri Kelantan yang bersebelahan dengan negeri Terengganu membuktikan hasil kajian ini. Namun begitu, walaupun kata adjektif DT menerima pelbagai kata kesangatan namun ianya masih memberikan fungsi yang sama iaitu untuk penekanan makna kesangatan. Sebagai contoh, KA ukuran besar mempunyai kata kesangatan yang berbeza iaitu [bapɔʔ] dan [jerəʒuʔ]. Hal ini terjadi kerana, dalam DT terdapat kata kesangatan yang dipinjam daripada negeri Kelantan contohnya kata kesangatan [dʒəʒəʒoʔ] berdasarkan definisi yang diberikan oleh Kamus Dewan Edisi Ke-4 (2010) yang menyatakan kata [dʒəʒəʒoʔ] merupakan kata dari negeri Kelantan. Hal ini juga dapat dibuktikan melalui kajian lepas yang dilakukan oleh Asmah Haji Omar (2015) yang menyatakan terdapat ciri gangguan yang masuk ke dalam DT dari negeri Kelantan.

Bagi aspek bentuknya pula, frasa adjektif “kesangatan” dalam DTKBS terbentuk daripada gabungan dua unsur iaitu kata adjektif yang menjadi unsur inti dan kata kesangatan sebagai keterangan inti yang membawa maksud “kesangatan”. Seterusnya, kata kesangatan itu terdapat morfem bebas dan morfem terikat yang dibahagikan berdasarkan definisi yang diberikan dalam Kamus Dewan Ed. Ke-4. Di bawah morfem bebas pula terdapat empat jenis kata, iaitu kata penguat, kata adjektif, kata kerja dan kata nama. Sebagai contoh, kata kesangatan dari golongan kata nama seperti [dʒaman], [bəndu] dan [bapɔʔ]. Manakala, kata kesangatan dari golongan KA adalah seperti [paheʔ], [dʒəʒəʒoʔ] dan [dəboʔ]. Seterusnya, kata kesangatan dari jenis kata penguat seperti [dɔʔɔh], [bəno] dan [gete]. Manakala, kata kesangatan dari kata kerja seperti [ladʒoʔ], [naun] dan [sidʒaʔ]. Tambahan pula, bagi kata kesangatan yang berbentuk morfem terikat adalah seperti [nayan], [ʃəbɔŋ] dan [səpaŋ]. Berdasarkan kepada dapatan kajian ini juga, pengkaji berpendapat bahawa kata kesangatan dalam DTKBS tidak terdapat seperti dalam bahasa Melayu standard.

<b>Jenis Kata Adjektif</b>	<b>Frasa Adjektif “kesangatan”</b>	<b>Kelas Kata (Kata Kesangatan)</b>
KA tabii	malah apah	nama
	dəkuʔ paheʔ	adjektif
	dəkuʔ ladʒoʔ	kerja
	bajeʔ dɔʔɔh	penguat

	baje? bəno	penguat
	luruh bəndu	nama
KA warna	meyəhpaler	kerja
	ija nauŋ	kerja
	biyu heyaŋ	adjektif
	kuniŋ siŋo	kerja
	puteh səpu?	kerja
	puteh luweh	morfem terikat
	itaŋ ləgaŋ	adjektif
KA ukuran	paŋdzəŋ dʒəŋgəŋ	adjektif
	paŋdzəŋ dʒelə	adjektif
	tiŋgi laŋi?	penguat
	pende? kəto?	adjektif
	kəŋfi? tuwe?	morfem terikat
	bəso bəpo?	nama
	bəso dʒeyəgo?	penguat
	nipih nayaŋ	morfem terikat
	təba nauŋ	morfem terikat
	yəŋəŋ nəpəŋ	kerja
	bəya? nanaŋ	morfem terikat
	maha do?əh	penguat
	KA Bentuk	bula? gete
yəjə? təpaŋ		nama
kəpe? we?		morfem terikat
bəŋkə? ŋəbəŋ		morfem terikat
gəmo? dəbo?		adjektif
kuruh kəkə?		morfem terikat
KA Indera Rasa	tawə hebe	penguat
	manih ləteŋ	penguat
	masəŋ pəkə?	nama
	masəŋ puri?	penguat
	paje? ləpaŋ	penguat
	pədəh dəsi?	adjektif
	səda? bəno	penguat
KA Indera Pandang	buyə? ləpo?	penguat
	ŋome ləte	penguat
	udoh səpaŋ	morfem terikat
	ŋəyəh dəyaŋ	penguat
	gəla? gugu?	penguat
	gəla? gələma?	penguat
	gəla? katu?	penguat
KA Indera Dengar	bisiŋ baŋgə	adjektif
	səpa? tupah	morfem terikat
KA Indera Bau	busu? kəhoŋ	penguat
	busu? baŋgə	penguat
	ačiŋ pəriŋ	adjektif
	haŋe pəkə?	adjektif
	waŋgi məkə?	kerja

KA Indera Sentuh	aluh sidʒaʔ	kerja
	basoh jəyoʔ	penguat
	ʃaye bəlle	penguat
	pəkaʔ likaʔ	adjektif
	tupə gələbeʔ	morfem terikat
	kəyah khədzəŋ	penguat
KA Waktu	bayu mətəh	nama
	lamə dʒaman	nama
	lamə bəno	penguat
KA Jarak	dəkaʔ ləpəh	morfem terikat
	ujəŋ suʔ	penguat
KA Kecepatan	dəyah bədəsuʔ	adjektif
	bətaʔ dəʔəh	penguat
	sələ kəpəh	morfem terikat
	awa dəʔəh	penguat
	ʃəpaʔ bəno	penguat
KA Guna Tenaga	puʃaʔ ləsi	penguat
	puʃaʔ kəsəŋ	adjektif
	səhaʔ bəno	adjektif
KA Taraf	kayə mbəŋ	morfem terikat
	kayə ladʒəʔ	kerja
	sənəŋ dəʔəh	penguat
	səsəʔ bəno	adjektif
KA Suhu	panah kətəʔ	penguat
	panah dəyiŋ	adjektif
	sədʒəʔ kətə	adjektif
KA Emosi	sukə dəʔəh	penguat
KA Akaliah	bədə dəʔəh	penguat
	bədə ladʒəʔ	kerja
KA Akhlak	dʒahe tuki	morfem terikat
	dʒahe bən	penguat

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, berdasarkan perbincangan analisis ini, jelaslah bahawa kata kesangatan yang terdapat dalam DT ini memiliki keistimewaannya yang tersendiri. Namun secara ringkasnya, kata kesangatan ini berperanan memberikan darjah kesangatan kepada kata adjektif DTKBS. Perkara menarik yang dapat diperhatikan dalam kajian ini adalah penggunaan kata kesangatan dalam DT berbeza dengan kata penguat BMS walaupun keduanya mempunyai fungsi yang sama sebagai kata penguat.

Berdasarkan analisis, didapati bahawa kata kesangatan DTKBS hanya boleh berada pada posisi belakang KA sahaja dan ini berbeza dengan kata penguat BMS yang boleh berada pada posisi hadapan, belakang dan bebas. Tambahan pula, keunikan kata kesangatan dalam DTKBS berbanding bahasa Melayu standard dapat dilihat iaitu tidak semua kata kesangatan dalam DTKBS boleh berdiri dengan sendiri dan mempunyai makna. Hal ini kerana kata kesangatan DT memerlukan bantuan KA untuk memberikan makna berbanding kata penguat dalam BMS yang boleh berdiri dengan sendiri.

Sehubungan dengan itu, kajian terhadap frasa adjektif “kesangatan” DTKBS secara langsung ada relevannya dengan hubung kait dalam bahasa Melayu. Hal ini kerana, walaupun kata atau perkataan yang digunakan sangat berbeza, namun konteks yang diperkatakan adalah sama iaitu sebagai penguat kepada KA selain menunjukkan darjah kesangatan atau darjah melampau kepada KA tersebut. Walaupun kajian ini merupakan satu kajian yang biasa, namun kajian ini masih mampu menambahkan kosa ilmu berkenaan fenomena ini dalam bahasa Melayu.

### **RUJUKAN**

- Abdul Hamid Mahmood. 1990. Dialek Terengganu: Satu Tinjauan Ringkas. *Dewan Bahasa*, 34(3): 217
- Abdul Hamid Mahmood. 1994. *Sintaksis Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajid Che Kob. 2008. Subklasifikasi Dialek Melayu Patani-Kelantan-Terengganu: Satu Analisis Kualitatif. *Jurnal Melayu*, (3), 12-22
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1977. *Kepelbagaian Fonologi Dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2003
- Asmah Haji Omar. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir* Ed. ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2015. *Teori Asas Nahu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T 1983. *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J.T 1989. *Antologi Dialek Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cresswell, J. W. 2003. *Research design: Qualitative, dan mixed methods*.
- Haizan Haron. 2001. *Kata Penguat dalam dialek Kelantan*. Latihan Ilmiah, Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Dahaman. 1997. *Glosari dialek Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James T Collins. 1996. *Khazanah Dialek Melayu*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan*. 2010. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan*. 2016. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Fazri bin Alias. 2008. *Kata Penguat dalam Dialek Kedah*. Latihan Ilmiah. Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sheffie Abu Bakar. 1987. *Metodologi Penyelidikan*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nasrun Alias & James T. Collins. 2017. Pendokumentasian Dialek Ulu Terengganu Sebagai Wahana Komunikasi: Satu Tinjauan Awal Aspek Morfologi. *Jurnal Melayu*, Isu Khas, 436-457.



- Naseh Hassan. 1980. *Fonologi subdialek Terengganu: kajian kes di Mukim Jenagor, Ulu Terengganu*. Latihan Ilmiah. Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nawi Ismail. 1995. *Bahasa Melayu Merentasi Kurikulum. Mengapakah Pelaksanaannya Tidak Berkesan?* Pelita Bahasa.
- Nik Safiah Karim et al. 2011. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim. 2013. Dialek Melayu Terengganu: Pendokumentasian dan Pengekalan Warisan Variasi Bahasa Tempatan. *Jurnal Melayu*, (10), 21-35
- Nur Adibah Hasan & Sharifah Raihan Syed Jaafar. 2017. Struktur suku kata terbitan dialek Terengganu. *Akademika*, 87(1):165-175.
- Raja Hazimah Raja Mamat. 2006. *Fonologi Dialek Kuala Besut*. Latihan Ilmiah. Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samarin Wiliam J. 1993. *Linguistik Lapangan: Panduan kerja lapangan linguistik*. Terj. Kamaruzaman Mahayidin, Zahrah Abd. Ghaful. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Noraishah Ismail. 2008. *Penggunaan Bahasa dalam Filem 'Impak Maksima'*. Latihan Ilmiah. Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Nur Shahiza. 2004. *Kata penguat dalam Dialek Terengganu Kajian di Kampung Gong Pauh, Cukai Kemaman*. Latihan Ilmiah. Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Yusmawatie Wan Junus. 2001. *Laras Bahasa Nelayan*. Latihan Ilmiah. Pusat Penyelidikan Bitara Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaidi Ismail. 2017. *Frasa Adjektif Kesangatan dalam Dialek Kelantan*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.

#### **Biodata Penulis:**

**Nur Sufiah Azmi** merupakan seorang pelajar sarjana dalam program Kajian Bahasa Melayu di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Maslida Yusof** merupakan seorang pensyarah di Pusat penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajian dan penulisan beliau lebih terarah kepada bidang semantik dan pragmatik.